

Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 3 Julai 2021

Kepada Semua

Ahli Majlis Eksekutif Universiti
Penolong Naib Canselor
Rektor UiTM Cawangan/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit/ Staf dan Pelajar
Universiti Teknologi MARA

بركاته ورحمة الله وبركاته dan selamat sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Profesor/Tuan/Puan

**PELAKSANAAN PENGOPERASIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) DALAM
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI STAF DAN PELAJAR**

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

2. YB Menteri Kanan Pertahanan dalam kenyataan media pada 27 Jun 2021 Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) memaklumkan bahawa seluruh negara masih kekal di dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sehingga disahkan sebaliknya oleh Kerajaan.

3. Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Khas pada 2 Julai 2021 mengambil maklum berkenaan perkara ini dan semua staf dan pelajar UiTM adalah masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah dinyatakan di dalam:

- i. Pekeliling Naib Canselor Bil. 8 Tahun 2021: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Pelajar Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1-14 Jun 2021;
- ii. Pekeliling Naib Canselor Bil. 9 Tahun 2021: Pekeliling Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Bagi Staf Di Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 1 – 14 Jun 2021;
- iii. Prosedur Operasi Standard (SOP) Am PKP dan SOP PKP Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dikeluarkan melalui surat JPT(A)1000/001/019/01 JLD.24(25) bertarikh 8 Jun 2021 dan JPT(A)1000/001/019/01 JLD.24(33) bertarikh 30 Jun 2021;
- iv. Surat Kebenaran Bertugas di Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama bertarikh 9 Jun 2021; dan

Universiti Teknologi MARA

Aras 4, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 5544 2500 / 2233
Faks: (+603) 5544 3210



UiTM di hatiku

Surat Kami : 100-UiTM(NC 6/2/1)
Tarikh : 3 Julai 2021

- v. Surat Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Staf dan Pelajar bertarikh 15 Jun 2021.

4. Pemakluman ini terpakai untuk rujukan bagi kampus yang berada di dalam tempoh PKP. Semua warga UiTM diminta menjaga integriti dan bekerjasama dalam memutuskan rantaian wabak COVID-19 demi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan bersama.


Sekian, harap maklum.

Terima kasih والسلام

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar



PROFESOR: Ts. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor